Jerry Ngiam Swee Beng lwn Abdul Rahman bin Mohd Rashid dan satu lagi (No 2)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — NOTIS USUL NO D9–25–4 TAHUN 2001
RAMLY ALI PK
6 APRIL 2001

Syarikat dan Perbadanan *— Penggulungan — Penggantungan perintah — Permohonan untuk — Kesilapan dalam nombor pendaftaran notis usul — Sama ada peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah terpakai dalam prosiding penggulungan — Sama ada syarat-syarat yang dipertimbangkan oleh mahkamah dalam pemberian perintah perlaksanaan biasa terpakai — Kemungkinan rayuan respondent akan berjaya apabila merit dipertimbangkan — Unsur-unsur keadaan hal yang istimewa wujud — Kepentingan awam dipertimbangkan — Sama ada permohonan patut dibenarkan*

Pempetisyen telah memfailkan satu petisyen penggulungan syarikat ke atas responden kedua di bawah s 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut'). Mahkamah telah memerintahkan agar syarikat responden kedua digulung dan likuidator sementara dilantik. Perintah penggulungan tersebut dibuat secara 'default' apabila afidavit-afidavit responden untuk menentang petisyen berkenaan diisytiharkan sebagai tidak sah kerana terlewat diserahkan. Responden pertama sebagai pihak penyumbang dan pihak terkilan telah memfailkan notis usul memohon, antara lain, perintah penggulungan responden kedua ditangguhkan sementara menunggu rayuan responden-responden dibicara. Pempetisyen telah membangkitkan tiga bantahan awal seperti berikut: (i) notis usul gagal mematuhi k 8(1) dan (2) Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972 ('Kaedah tersebut') kerana menggunakan nombor pendaftaran yang berlainan dengan petisyen asal; (ii) notis usul gagal mematuhi A 5 k 1 dan Borang 9 dan 10 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'); dan (iii) responden gagal mendapat kebenaran awal dari mahkamah di bawah s 236(3) atau s 305 Akta tersebut.

Diputuskan, membenarkan notis usul:

(1) Walaupun nombor pendaftaran yang diberikan oleh pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi adalah berlainan, namun permohonan tersebut masih lagi difailkan di mahkamah yang sama di mana perintah asal penggulungan syarikat berkenaan dibuat. Walaupun terdapat kesilapan pada notis usul tersebut, kesilapan tersebut lebih disebabkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi. Kesilapan itu terlalu kecil dan formal. Ia tidak akan menyebabkan ketidakadilan yang substantial kepada mana-mana pihak dan boleh dimaafkan di bawah k 194(1) Kaedah tersebut (lihat ms 16E–F).

(2) Peruntukan KMT tidak terpakai kepada prosiding penggulungan syarikat. Bagi prosiding penggulungan syarikat, kaedah-kaedah

yang perlu digunakan ialah Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bantahan awal kedua adalah tidak bermerit dan patut ditolak (lihat ms 17G, I, 18A).

(3) Bantahan awal ketiga hanya untuk permohonan di perenggan (d) dan (e) notis usul. Bagaimanapun, mahkamah memutuskan bahawa permohonan di perenggan (d) dan (e) notis usul tersebut yang dipohon secara alternatif adalah tidak bersesuaian di peringkat ini dan mahkamah tidak membenarkan kedua-dua permohonan tersebut (lihat ms 18G–H).

(4) Semua syarat-syarat serta pertimbangan yang terpakai bagi sesuatu permohonan untuk penggantungan perlaksanaan perintah bagi kes-kes di dalam bidang kuasa mahkamah juga terpakai dan boleh digunakan bagi permohonan penggantungan di bawah s 243(1) Akta tersebut seperti dalam kes sekarang ini, sebagai bukti untuk memuaskan mahkamah di dalam memutuskan sama ada sesuatu prosiding penggulungan patut digantung atau ditangguhkan (lihat ms 21A–B).

(5) Dalam kes ini, perintah penggulungan bukan dibuat selepas perbicaraan penuh ke atas petisyen berkenaan. Ia dibuat secara 'default'. Adalah berkemungkinan bahawa rayuan responden boleh berjaya bila merit kes tersebut dipertimbangkan secara terperinci. Oleh itu, permohonan untuk penggantungan perintah penggulungan syarikat melalui notis usul di dalam kes ini boleh dibenarkan (lihat ms 21D–F).

(6) Permohonan notis usul itu boleh juga dibenarkan kerana terdapatnya unsur-unsur keadaan hal yang istimewa (special circumstances) di dalam kes ini. Juga terdapat unsur-unsur sekiranya permohonan tersebut tidak dibenarkan, ia akan mengakibatkan rayuan berkenaan, sekiranya berjaya kelak, menjadi sia-sia (lihat ms 21G).

(7) Bagi sebuah syarikat yang masih beroperasi dan mempunyai senarai klien yang banyak, sekiranya perintah penggantungan tidak dibenarkan, maka implikasinya adalah buruk kerana ia akan menjejaskan maruah perdagangan serta imej dan reputasi syarikat tersebut. Kepentingan awam juga perlu dipertimbangkan. Adalah tidak selaras dengan kepentingan awam sekiranya sebuah syarikat yang telah beroperasi selama 26 tahun dan mempunyai 'track record' yang baik serta masih beroperasi dan solven terpaksa digulung atas alasan teknikal, tanpa memberi peluang kepada mereka untuk menunggu keputusan Mahkamah Rayuan (lihat ms 23A–B).

[English summary

The petitioner filed a winding up petition against the second respondent under ss 218(1)(f) and (i) of the Companies Act 1965

('the Act'). The court has ordered that the respondent's company be wound up and a temporary liquidator be appointed. The winding up order was issued by default when the respondent's affidavits to defeat the said petition were declared null for delay in submission. The first respondent, as a contributor and an aggrieved party, had filed a notice of motion applying for, inter alia, the second respondent's winding up order to be adjourned while waiting for the respondents' appeals to be heard. The petitioner raised three preliminary objections as follows: (i) the notice of motion failed to comply with r 8(1) and (2) of the Companies Winding Up Rules 1972 ('the Rules') for using a registration number that was different from that of the original petition; (ii) the notice of motion failed to comply with O 5 r 1 and Forms 9 and 10 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'); and (iii) the respondent failed to obtain leave from the court in advance under s 236(3) or s 305 of the Act.

Held, allowing the notice of motion:

(1) Although the registration number given by the High Court registration office was different, the application was still filed in the same court as that where the original order for the company's winding up was made. Even if there has been a mistake, it was more likely that the mistake was caused by the High Court Registry. The mistake was too small and formal. It would not cause substantial injustice to any party and may be condoned under r 194(1) of the Rules (see p 16E–F).

(2) The provisions of the RHC are not applicable to company winding up proceedings. The rules to be applied for company winding up proceedings are the Company Winding Up Rules 1972. As such, the court held that the second preliminary objection was without merits and must be dismissed (see pp 17G, I, 18A).

(3) The third preliminary objection was only for the application in paras (d) and (e) of the notice of motion. The court, however, held that the application in paras (d) and (e) of the notice of motion which were applied in alternative were inappropriate at this stage and the court disallowed both applications (see p 18G–H).

(4) All the conditions and considerations relied on in an application for a stay of execution of an order for cases within the jurisdiction of the court are also applicable and may be used in the application for a stay under s 243(1) of the Act as in the present case, to prove to the satisfaction of the court whether a winding up proceeding should be stayed or adjourned (see p 21A–B).

(5) In this case, the winding up order was not made after a full hearing of the said petition. It was made by default. It is possible that the respondent's appeal will succeed when the merits of the case is considered in great detail. As such, the application for a stay of a

company winding up order through a notice of motion in this case was allowed (see p 21D–F).

(6) The application under the notice of motion may be allowed as there were special circumstances in this case. There were also indications that if the application is disallowed, it will cause the appeal, if it succeeds, to be nugatory or in vain (see p 21G).

(7) For an on-going company with a large clientele, if the order for a stay is not allowed, the implications will be detrimental since the business reputation and image of the company will be affected. Public interest must also be considered. It would not be in public interest for an on-going solvent company of 26 years with a good track record to be wound up on technical grounds, without giving it an opportunity to await the decision of the Court of Appeal (see p 23A–B).]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai penggantungan perintah penggulungan, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan 1118–1122.

Kes-kes yang dirujuk

Calgary and Edmonton Land Co Ltd, Re [1975] 1 All ER 1046 (dirujuk)
Chi Liung Holding Sdn Bhd v Ng Pyak Yeow [1995] 3 MLJ 204 (dirujuk)
Government of Malaysia v Jasanusa Sdn Bhd [1995] 2 MLJ 105 (dirujuk)
Hong Leong Finance Bhd v Hon Hoi Weng & Ors [1987] 2 MLJ 377 (dirujuk)
Jerry Ngiam Swee Beng v Abdul Rahman Mohd Rashid & Anor [2001] 1 MLJ 567 (dirujuk)
Tahansan Sdn Bhd, In the Matter of [1984] 1 MLJ 204 (dirujuk)
Lai Kim Loi v Dato' Lai Fook Kim & Anor [1989] 2 MLJ 290 (dirujuk)
Lyn Country Sdn Bhd v EIC Clothing Sdn Bhd & Anor [1997] 4 MLJ 198 (dirujuk)
Maiko Woods Maritime & Properties Sdn Bhd & Ors v Asia Commercial Finance (M) Bhd [1998] 4 MLJ 395 (dirujuk)
Sri Hartamas Development Sdn Bhd v MBf Finance Bhd [1991] 3 MLJ 325 (dirujuk)
Telescriptor Syndicate Ltd, Re [1903] 2 Ch 174 (dirujuk)
Woodsville Sdn Bhd v Tien IK Enterprise Sdn Bhd & Ors and another application [1994] 3 MLJ 89 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 44(1)
Akta Syarikat 1965 ss 218(1)(f), (i), 236(3), 243(1), 305
Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 k 46

A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 5 k 1, Borang 9, 10
Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 kk 7(1), 8(1), (2), 30(1), 194(1)

K Gomez (*Sabarudin Othman & Ho*) bagi pihak pempetisyen dan likuidator semasa.

B *A Faizal bin Mohamed* (*Yacob dan Rakan-Rakan)* bagi pihak responden-responden.

Ramly Ali PK:

C *Latar belakang kes*

Melalui kes Penggulungan Syarikat No D9–28–850–00, pempetisyen telah memfailkan satu petisyen penggulungan syarikat ke atas responden kedua di bawah s 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut'). Petisyen tersebut telah ditetapkan untuk didengar pada 14 Disember 2000.

D Kedua-dua responden telah memfailkan notis niat untuk menentang petisyen tersebut serta memfailkan dua affidavit yang telah diikrarkan dan diserahkan pada 7 Disember 2000 dan 12 Disember 2000. Pada tarikh pendengaran petisyen (14 Disember 2000), peguam pempetisyen telah mengemukakan bantahan awal terhadap kedua-dua afidavit tersebut atas alasan ianya gagal mematuhi kehendak k 30(1) Kaedah-Kaedah
E Penggulungan Syarikat 1972 ('Kaedah tersebut'). Pada 5 Februari 2001 mahkamah ini telah membenarkan bantahan awal pempetisyen dan kedua-dua affidavit sokongan responden pertama dan kedua ditolak; dan seterusnya memerintahkan, antara lain, agar syarikat responden kedua digulungkan dan likuidator sementara dilantik (sila rujuk kepada alasan
F penghakiman saya yang dilaporkan di dalam *Jerry Ngiam Swee Beng v Abdul Rahman Mohd Rashid & Anor* [2001] 1 MLJ 567).

Berikutan dengan keputusan tersebut, responden pertama selaku pihak penyumbang (contributory) dan pihak yang terkilan (aggrieved party) telah memfailkan notis usul ini pada 21 Februari 2001 (di bawah s 243(1) Akta tersebut, memohon perintah-perintah berikut:

G
(a) Perintah penggulungan syarikat yang dibuat pada 5 Februari 2001 terhadap responden kedua ditangguhkan dan/atau dibatalkan;

(b) alternatifnya, prosiding-prosiding ini ditangguhkan (stay) sementara menunggu rayuan responden-responden didengar;

H (c) semua prosiding-prosiding yang berkaitan dengan penggulungan syarikat ditangguhkan bersama-sama sebagaimana di bawah peruntukan s 243 Akta tersebut sementara menunggu pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah selesai menjalankan penyiasatan kes ke atas pempetisyen di atas laporan polis yang dikemukakan kepada pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah atau sehingga ke suatu masa yang
I mahkamah yang mulia ini fikirkan suai dan manfaat; dan

(d) Secara alternatif selanjutnya, walaupun perintah penggulungan syarikat telah dibuat, pempetisyen tidak pada bila-bila masa yang

material dan/ataupun telah gagal mematuhi dan menyerahkan sesalinan daripada dokumen deraf perintah mahupun perintah materai ataupun mana-mana dokumen-dokumen yang berkait rapat dengan aturcara penggulungan syarikat sebagaimana yang dikehendaki oleh Kaedah tersebut kepada peguam responden-responden dan dengan yang demikian, responden-responden memohon daripada mahkamah yang mulia ini untuk memberikan suatu perintah bagi pengedaran dokumen-dokumen tersebut kepada kami selaku peguambela responden-responden sepertimana dalam rekod mahkamah;

(e) secara alternatif selanjutnya, walaupun perintah penggulungan telah dibuat, responden-responden diberikan kebenaran oleh mahkamah yang mulia ini untuk membawa, mengemukakan dan/atau membela tindakan ini, dan memohon mahkamah membatalkan perlantikan Tetuan Pannell Kerr Forster sebagai likuidator dan perlantikan pempetisyen sebagai 'special manager';

(f) kos tindakan ini dijadikan kos dalam kausa;

(g) lain-lain relief yang mahkamah yang mulia ini fikir suai dan manfaat.

Notis usul tersebut telah difail dan didaftarkan sebagai satu prosiding yang berasingan daripada prosiding asal mengenai petisyen penggulungan syarikat berkenaan. Notis usul tersebut difail dan didaftarkan sebagai 'Dalam Mahkamah Tinggi Malaya Di Kuala Lumpur, (Bahagian Dagang) Notis Usul No D9–25–4–2001' manakala petisyen asal didaftarkan sebagai 'Dalam Mahkamah Tinggi Di Kuala Lumpur (Bahagian Dagang) Petisyen No D9–28–850–2000'.

Notis usul tersebut telah ditetapkan untuk didengar pada 9 Mac 2001. Pada tarikh tersebut, peguam pempetisyen dan likuidator sementara telah membangkitkan tiga bantahan awal seperti berikut:

(i) Notis usul tersebut dikatakan gagal mematuhi k 8(1) dan (2) Kaedah tersebut;

(ii) notis usul tersebut gagal mematuhi A 5 k 1, dan Borang 9 dan 10, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT');

(iii) responden gagal mendapat kebenaran awal dari mahkamah di bawah s 236(3) atau s 305 Akta tersebut.

Pada hari pendengaran notis usul tersebut pada 9 Mac 2001, mahkamah telah memerintah kedua-dua pihak pempetisyen/likuidator sementara dan responden pertama untuk mengemukakan hujahan bertulis ke atas kedua-dua isu iaitu permohonan notis usul dan bantahan awal, secara serentak.

Bantahan awal pertama

Peguam pempetisyen/likuidator sementara menimbulkan bahawa notis usul responden pertama gagal mematuhi k 8(1) dan (2) Kaedah tersebut kerana menggunakan nombor pendaftaran yang berlainan dengan petisyen asal dan memohon agar notis usul tersebut ditolak. Kaedah 8(1) dan (2) memperuntukkan seperti berikut:

A (1) Every proceeding in a Winding Up matter shall be dated and shall with any necessary additions, be entitled as follows:

IN THE HIGH COURT IN … AT …

COMPANIES (WINDING UP) NO … OF …

In the matter of the Companies Act 1965

And

B In the matter of …

(2) The first proceeding in every winding up matter shall have a distinctive number assigned to it in the office of the registrar, and all proceedings in any matter subsequently to the first proceeding shall bear the same number as the first proceeding.

C Permohonan responden pertama melalui notis usul tersebut dibuat di bawah s 243(1) Akta tersebut yang memperuntukkan:

At any time after an order for winding up has been made the court may, on the application of the liquidator or of any creditor or contributory and on proof to the satisfaction of the court that all proceedings in relation to the Winding Up ought to be stayed, make an order staying the proceedings either

D altogether or for a limited time on such terms and conditions as the court thinks fit.

Peguam pempetisyen/likuidator sementara menghujahkan bahawa permohonan di bawah s 243(1) Akta tersebut merupakan permohonan yang secara langsung berkaitan dengan dan merupakan sebahagian

E prosiding petisyen penggulungan syarikat berkenaan. Oleh itu, permohonan notis usul tersebut perlu mempunyai nombor pendaftaran yang sama dengan petisyen asal.

Peguam responden pertama menegaskan bahawa beliau menulis 'Notis Usul' di bahagian tajuk prosiding ini adalah mengikut kehendak k 7(1)

F Kaedah tersebut yang menetapkan:

Every application in court, other then a petition, shall be made by motion.

Nombor pendaftaran 'D9–25–4–2001' adalah diberikan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur semasa notis usul tersebut difailkan. Pendaftaran nombor tersebut adalah di luar kawalan

G peguam responden pertama. Di peringkat penyediaan dokumentasi berkenaan oleh peguam responden pertama, keseluruhan tajuk prosiding berkenaan adalah sama dan serupa dengan tajuk bagi petisyen asal, cuma beliau menggunakan perkataan 'Notis Usul' sedangkan petisyen asal menggunakan perkataan 'Petisyen'. Oleh sebab itu, Pejabat Pendaftaran

H Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memberikan nombor kod dan pendaftaran yang berlainan.

Dalam perkara ini, saya bersetuju dengan pendapat Kamalanathan Ratnam J dalam kes *Maiko Woods Maritime & Properties Sdn Bhd & Ors v Asia Commercial Finance (M) Bhd* [1998] 4 MLJ 395, seperti berikut:

I (2) Every application that flows directly or arises, impliedly as a result of the making of a winding up order under the Act is a proceedings in a winding up matter. Thus this application which was an application made pursuant to s 236(1) of the Act is a proceeding in a winding up matter and ought

> to be filed in the Commercial Division of the High Court in which the winding up order was made. A

Di ms 398, beliau menyambung:

> Is the application properly made in this court?
> It is obvious that this application is made pursuant to s 236(1) (f) of the Act. It is therefore only logical that this application which is obviously a proceeding in a winding up matter, would be filed under the petition in which the winding up order was made, namely under Kuala Lumpur High Court Companies (Winding up) No D4–38–354–96. It is my judgment that every application that flows directly or arises impliedly as a result of the making of a winding up order under the Act is a proceeding in a winding up matter. In the circumstances I hold that an application made pursuant to s 236(1)(f) of the Act is a proceeding in a winding up matter and ought to be filed in the Commercial Division of the High Court in which the winding up order was made. B C

Di dalam kes di atas, Kamalanathan Ratnam J membuat penekanan yang lebih mengenai permohonan yang berkaitan dengan sesuatu prosiding penggulungan syarikat hendaklah difailkan dan didengar di mahkamah yang sama di mana perintah penggulungan yang asal dibuat sebelum itu. Isu mengenai 'nombor pendaftaran' bagi prosiding tersebut hanya disebut sambil lalu (in passing) sahaja. D

Di dalam kes sekarang ini, walaupun nombor pendaftaran yang diberikan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi berlainan, namun permohonan tersebut masih lagi difailkan di mahkamah yang sama (Dagang 9) di mana perintah asal penggulungan syarikat berkenaan dibuat. Kalau pun terdapat kesilapan di situ, saya berpendapat kesilapan tersebut lebih disebabkan oleh Pejabat Pendaftaran di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kesilapan tersebut terlalu kecil dan formal. Ianya tidak akan menyebabkan ketidakadilan yang substansial kepada mana-mana pihak dan boleh dimaafkan di bawah k 194(1) Kaedah tersebut, yang menyatakan: E F

> No proceedings under the Act or the Rules shall be invalidated by any formal defect or any irregularity; unless the court is of the opinion that substantial injustice has been caused by the defect or irregularity, and that the injustice cannot be remedied by any order of the court. G

Bantahan awal kedua

Bantahan kedua yang ditimbulkan oleh peguam pempetisyen/likuidator sementara ialah notis usul responden pertama gagal mematuhi kehendaki A 5 k 1 dan Borang 9 dan 10 KMT. Aturan 5 k 1 KMT menyatakan: H

> Subject to the provisions of any written law and of these rules, civil proceedings in the High Court may be begun by writ, originating summons, originating motion or petition.

Mengikut peguam pempetisyen/likuidator sementara, oleh kerana responden pertama telah memulakan prosiding notis usul ini sebagai satu tindakan yang berlainan dan tersendiri (bukannya melalui tindakan I

penggulungan syarikat yang terdahulu) dan mempunyai nombor pendaftaran yang tersendiri yang menggunakan kod '25' (bagi usul pemula) dan bukan kod '28' (bagi penggulungan syarikat) mengikut Arahan Amalan No 5 Tahun 1988, maka kaedah-kaedah yang terpakai ialah KMT dan bukannya Kaedah tersebut. Oleh itu, tindakan tersebut perlulah dimulakan melalui salah satu cara yang dinyatakan di bawah A 5 k 1 KMT, bukannya melalui notis usul. Mengikut beliau lagi, oleh yang demikian, format yang patut digunakan ialah mengikut Borang 9 (untuk usul pemula). Mengikut peguam pempetisyen, notis usul yang difailkan oleh responden pertama mengikut format Borang 10 adalah salah kerana Borang 10 hanyalah untuk permohonan interlokutori, bukannya untuk memulakan satu tindakan yang baru dan tersendiri. Beliau juga mempersoalkan kesahihan notis usul tersebut yang telah ditandatangani bersama oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi dan peguamcara responden pertama. Mengikut beliau, jika mengikut format Borang 10, notis usul tersebut hanya perlu ditandatangani oleh peguamcara responden sahaja.

Melalui isu ini nampaknya peguam pempetisyen/likuidator sementara cuba mengalih pandangan mahkamah, seolah-olah tindakan responden pertama melalui notis usul ini dibuat di bawah KMT dan bukannya di bawah Kaedah tersebut. Di dalam bantahan awal pertama, beliau cuba menarik perhatian bahawa tindakan notis usul tersebut dibuat di bawah Kaedah tersebut dan membuat bantahan atas alasan notis usul tersebut gagal mematuhi kehendak k 8(1) dan (2) Kaedah tersebut dan seterusnya memohon notis usul tersebut ditolak. Di dalam bantahan awal kedua ini, dikatakan pula tindakan notis usul oleh responden pertama dibuat di bawah KMT dan membantah dengan alasan notis usul tersebut tidak memenuhi kehendak A 5 k 1, Borang 9 dan Borang 10 KMT. Saya berpendapat bahawa hujah-hujah mengenai kedua-dua bantahan awal tersebut agak mengelirukan.

Telah dinyatakan di awal penghakiman ini bahawa permohonan notis usul tersebut dibuat mengikut k 7(1) Kaedah tersebut dan s 243(1) Akta tersebut. Juga telah dinyatakan bahawa tindakan tersebut adalah berkaitan dengan prosiding penggulungan syarikat yang dibuat terlebih dahulu. Cuma, sedikit kesilapan formal terjadi apabila nombor pendaftaran yang baru mengikut kod '25' diberikan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi. Itupun telah diputuskan boleh dimaafkan di bawah k 194(1) Kaedah tersebut. Kedudukan undang-undang mengenai perkara tersebut adalah jelas: bahawa peruntukan KMT tidak terpakai kepada prosiding penggulungan syarikat. Di dalam tindakan yang sama — *Jerry Ngiam Swee Beng v Abdul Rahman Mohd Rashid & Anor* [2000] 1 MLJ 567, di peringkat pendengaran petisyen penggulungan, saya telahpun memutuskan sedemikian, selaras dengan peruntukan A 1 k 2(2) dan (3) KMT. Bagi prosiding penggulungan syarikat, kaedah-kaedah yang perlu digunakan ialah Kaedah tersebut. Keputusan yang sama juga telah dibuat oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Lai Kim Loi v Dato' Lai Fook Kim & Anor* [1989] 2 MLJ 290 dan diikuti di dalam kes *The Lyn Country Sdn Bhd v EIC Clothing Sdn Bhd & Anor* [1997] 4 MLJ 198.

Oleh yang demikian, saya berpendapat dan memutuskan bantahan awal kedua yang dibuat oleh peguam pempetisyen/likuidator sementara adalah tidak bermerit dan patut ditolak.

Bantahan awal ketiga

Bantahan awal ketiga oleh pempetisyen/likuidator sementara ialah responden pertama telah gagal mendapatkan kebenaran (leave) mahkamah ini di bawah s 236(3) atau s 305 Akta tersebut, bagi permohonan di bawah perenggan (d) dan (e) di dalam notis usul (kandungan 1), terhadap likuidator sementara. Peguam responden pertama menyatakan bahawa permohonan notis usul responden pertama hanya mengutamakan permohonan perintah pengangguhan/penggantungan perlaksanaan penggulungan syarikat responden kedua. Permohonan-permohonan yang melibatkan likuidator sementara seperti di perenggan (d) dan (e) notis usul tersebut hanya dibuat secara 'alternatif', bukannya permohonan utama. Untuk tujuan itu, peguam responden pertama menyatakan perenggan (e) notis usul tersebut ada menyatakan tentang responden pertama memohon 'kebenaran mahkamah untuk membawa, mengemukakan dan/atau membela tindakan ini dan memohon mahkamah membatalkan terhadap perlantikan likuidator.'

Saya bersetuju bahawa permohonan yang melibatkan bidang tugas likuidator (seperti yang dipohon di perenggan-perenggan (d) dan (e) notis usul) memerlukan kebenaran mahkamah terlebih dahulu, berdasarkan s 236(3) atau 305 Akta tersebut, mana yang berkaitan. Perkara ini juga telah diputuskan di dalam kes *Chi Liung Holding Sdn Bhd v Ng Pyak Yeow* [1995] 3 MLJ 204. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran (leave) tersebut boleh dibuat secara berasingan (terlebih dahulu) atau secara bersama di dalam notis usul yang sama memohon perintah-perintah yang berkaitan dengan likuidator (seperti di dalam prosiding ini). Setakat ini tidak ada peruntukan undang-undang secara khusus yang melarang permohonan untuk mendapatkan kebenaran (leave) mahkamah dibuat secara bersama atau serentak seperti di dalam kes ini.

Namun demikian, isu ini tidak perlu dititikberatkan kerana mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa perintah di perenggan (d) dan (e) notis usul tersebut, yang dipohon secara alternatif, tidak bersesuaian di peringkat ini. Oleh itu, mahkamah ini tidak membenarkan kedua-dua permohonan di perenggan (d) dan (e) tersebut.

Bantahan awal ketiga tersebut hanya untuk permohonan di perenggan (d) dan (e) sahaja. Ianya tidak melibatkan permohonan di perenggan-perenggan lain iaitu (a), (b), (c) dan (f). Oleh yang demikian, mahkamah akan meneruskan pertimbangan untuk permohonan notis usul (kandungan 1) bagi perenggan-perenggan (a), (b), (c) dan (f).

Permohonan notis usul (kandungan 1)

Permohonan utama yang dibuat oleh responden pertama, sebagai penyumbang (contributory) kepada syarikat responden kedua, melalui

notis usul (kandungan 1) adalah untuk mendapatkan satu perintah penggantungan perlaksanaan perintah penggulungan seperti di perenggan (a) atau secara alternatif, di perengan (b) notis usul tersebut di bawah s 243(1) Akta tersebut.

Perintah penggulungan syarikat berkenaan telah dibuat oleh mahkamah ini pada 5 Februari 2001, setelah mahkamah memutuskan kedua-dua afidavit responden pertama dan responden kedua untuk menentang petisyen penggulungan berkenaan sebagai tidak sah dan tidak boleh digunakan untuk tujuan tersebut di peringkat bantahan awal oleh pempetisyen. Responden pertama memfailkan notis usul ini pada 21 Februari 2001. Responden pertama telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan tersebut ke Mahkamah Rayuan pada 1 Mac 2001.

Di dalam kes *Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram v Dr Mahadevan s/o Nadchatiram & Ors* [1995] 2 MLJ 709, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan di ms 711:

> Adalah jelas di bawah s 243(1) bahawa mahkamah mempunyai budi bicara untuk menggantung prosiding di bawah sesuatu perintah penggulungan. Pihak yang ingin mendapatkan suatu penggantungan mempunyai tanggungjawab untuk membuktikan suatu kes yang positif atau mencukupi. Mahkamah apabila menggunakan budi bicaranya mesti mempertimbangkan, antara lain, sikap pemiutang, penyumbang dan penyelesai, kepentingan pemiutang, dan sama ada ianya sesuai dengan atau akan menjejaskan prinsip moral komersial dan kepentingan awam pada umumnya. Suatu penggantungan akan ditolak jika terdapat keterangan tentang misfeasans atau luar aturan yang memerlukan siasatan.

Di dalam membuat keputusan di atas, Mahkamah Persekutuan telah mengikut prinsip-prinsip yang diputuskan terlebih dahulu di dalam kes *Re Telescriptor Syndicate Ltd* [1903] 2 Ch 174 dan kes *Re Calgary and Edmonton Land Co Ltd* [1975] 1 All ER 1046.

Sama ada responden pertama telah membuktikan suatu kes yang positif atau yang mencukupi

Permohonan notis usul responden pertama disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh responden pertama sendiri bertarikh 20 Februari 2001 (kandungan 2). Pihak pempetisyen/likuidator sementara masing-masing telah mengikrarkan afidavit masing-masing bertarikh 5 Mac 2001 (kandungan 4) dan 7 Mac 2001 (kandungan 5).

Responden kedua adalah merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan dan telah beroperasi sejak Mei 1975 sebagai sebuah syarikat Juruukur Bahan dan Ekonomis berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia mengikut k 46 Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 dan turut didaftarkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia sebagai sebuah syarikat perunding swasta yang bertauliah. Sehingga kini syarikat tersebut telahpun dan masih menawarkan serta memberikan perkhidmatannya kepada beberapa syarikat-syarikat kecil mahupun konglomerat yang mana kesemua projek-projek tersebut masih lagi dalam amanah, tanggungjawab dan bidang tugasan syarikat tersebut secara kontrak. Pelanggan-pelanggan

syarikat tersebut terdiri daripada badan swasta, separa kerajaan dan kerajaan. Buat masa ini syarikat tersebut mempunyai 11 orang pekerja termasuk pempetisyen dan responden pertama.

Peguam pempetisyen dan likuadator sementara menghujahkan perintah penggantungan perlaksanaan penggulungan tidak patut dibenarkan. Beliau telah merujuk kepada kes-kes *Vijayalaksmi Devi d/o Nadchatiram v Dr Mahadevan s/o Nadchatiram & Ors*; *Woodsville Sdn Bhd v Tien IK Enterprise Sdn Bhd & Ors and another application* [1994] 3 MLJ 89 dan *In the Matter of Tahansan Sdn Bhd* [1984] 1 MLJ 204, di mana permohonan untuk penggantungan perlaksanaan perintah penggulungan syarikat telah ditolak oleh mahkamah. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa walaupun prinsip undang-undang di dalam kes-kes tersebut perlu diikuti di dalam kes ini, namun keputusan mahkamah-mahkamah berkenaan di dalam menolak permohonan sedemikian tidak dapat dipakai kepada kes ini memandangkan fakta-fakta yang berbeza di antara kes-kes tersebut dengan kes ini. Budibicara samada untuk membenar atau menolak suatu permohonan bagi penggantungan prosiding penggulungan terletakhak kepada mahkamah berdasarkan fakta-fakta bagi sesuatu kes. Di dalam ketiga-tiga kes yang dirujuk, perintah penggulungan yang dipohon untuk digantung perlaksanaannya telah diperolehi selepas perbicaraan penuh, manakala di dalam kes sekarang ini, perintah penggulungan yang berkenaan telah dibuat secara 'default' apabila afidavit-afidavit responden untuk menentang petisyen berkenaan diisytiharkan sebagai tidak sah kerana terlewat diserahkan.

Kedua-dua pihak tidak mengemukakan sebarang autoriti kes mengenai bidang kuasa mahkamah di bawah s 243(1) Akta tersebut di mana perintah asal untuk penggulungan telah dibuat secara 'default' apabila responden gagal memenuhi langkah tindakan prosedur, dan bukannya melalui pertimbangan di atas merit sesuatu petisyen.

Di dalam kes *Sri Hartamas Development Sdn Bhd v MBf Finance Bhd* [1991] 3 MLJ 325, Mahkamah Agung (pada masa itu) telah memutuskan:

> (1) Seksyen 253(2) Akta Syarikat 1965, memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada kaedah-kaedah, rayuan boleh dibuat dari perintah atau keputusan yang dibuat atau diberi dalam penggulungan syarikat dengan cara yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama seperti rayuan dari perintah atau keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes-kes di dalam bidang kuasa biasanya.
>
> (2) Oleh kerana terdapat hak rayuan, adalah tersirat bahawa terdapat juga hak membuat permohonan bersampingan mengenai suatu rayuan yang sedang menunggu keputusan Mahkamah Agong seperti yang diperuntukkan oleh s 44(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Salah satu permohonan bersampingan yang dibenarkan oleh s 44(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, seperti yang disebutkan di dalam petikan di atas ialah 'any interim order to prevent prejudice to the claims of parties pending the hearing of the proceeding'. Ini bermakna ianya termasuk permohonan untuk penggantungan pelaksanaan perintah penggulungan sementara menunggu rayuan diselesaikan di Mahkamah Rayuan.

Berdasarkan keputusan kes di atas, saya juga berpendapat bahawa semua syarat-syarat serta pertimbangan-pertimbangan yang terpakai bagi sesuatu permohonan untuk penggantungan perlaksanaan perintah bagi kes-kes di dalam bidang kuasa biasa mahkamah, juga terpakai dan boleh digunakan bagi permohonan penggantungan di bawah s 243(1) Akta tersebut, seperti di dalam kes sekarang ini, sebagai bukti untuk memuaskan mahkamah di dalam memutuskan samada sesuatu prosiding penggulungan patut digantung atau ditangguhkan.

Di dalam kes *Hong Leong Finance Bhd v Hon Hoi Weng & Ors* [1987] 2 MLJ 377, VC George H, telah memutuskan di ms 377:

> In respect of applications for stay pending appeal, a distinction has to be drawn between a matter that was decided upon after full trial and enquiry and one summarily arrived at by a Senior Assistant Registrar. In the former case the general rule no doubt continues to be that special circumstances have to be shown (three could no doubt be exceptions to the general rule). But in the latter it seems to me that a demonstration that the probabilities are in favour of the appeal being allowed should normally be sufficient for the court to exercise its discretion to order a stay pending appeal; ….

(Kes di atas telah dirujuk sama oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Government of Malaysia v Jasanusa Sdn Bhd*[1995] 2 MLJ 105).

Di dalam kes sekarang ini, perintah penggulungan syarikat yang dibuat oleh mahkamah pada 5 Februari 2001 bukan dibuat selepas perbicaraan penuh ke atas petisyen berkenaan. Ia dibuat secara 'default' selepas diputuskan bahawa afidavit menentang petisyen tidak sah sebab diserahkan lewat. Notis rayuan difailkan pada 1 Mac 2001. Oleh yang demikian adalah berkemungkinan (probable) bahawa rayuan tersebut boleh berjaya apabila merit kes tersebut dipertimbangkan secara terperinci. Saya tidak mengatakan bahawa rayuan tersebut pasti akan berjaya. Apa yang saya katakan hanyalah berdasarkan kepada kebarangkalian atau berkemungkinan (probabilities), tentang kejayaan rayuan tersebut. Atas dasar itu, saya berpendapat permohonan untuk penggantungan perintah penggulungan syarikat melalui notis usul di dalam kes ini boleh dibenarkan.

Walau bagaimanapun, seandainya saya tersalah di dalam membuat keputusan di atas, permohonan notis usul tersebut boleh juga dibenarkan kerana terdapatnya unsur-unsur keadaan hal yang istimewa (special circumstances) di dalam kes ini. Juga terdapat unsur-unsur sekiranya permohonan tersebut tidak dibenarkan, ianya akan mengakibatkan rayuan berkenaan, sekiranya berjaya kelak, akan menjadi nugatori atau sia-sia.

Di dalam kes *Government of Malaysia v Jasanusa Sdn Bhd*, Mahkamah Agung telah menyatakan di ms 111:

> … there are myriad circumstances that could constitute special circumstances with each case depending on its own facts. I am of the opinion that the list of factors constituting special circumstances is infinite and could grow with time. Any attempt to limit the list or close the category would be to impose a fetter on the exercise of the discretion of the court whether to grant or stay an execution; making the discretion less of a discretion. This is surely not what discretion is all about. As long as one does not stray beyond the perimeter set by the judicial principles, the discretion can be exercised …

Di dalam kes sekarang ini, unsur-unsur 'special circumstances' adalah seperti berikut:

(i) perintah penggulungan bertarikh 5 Februari 2001 dibuat secara 'default', bukannya selepas perbicaraan penuh;

(ii) berkemungkinan rayuan akan berjaya apabila Mahkamah Rayuan menimbangkan merit kes;

(iii) syarikat tersebut telah lama beroperasi (sejak Mei 1975) dan masih lagi beroperasi (yang terkini — terdapat surat tawaran bertarikh 12 Mac 2001 daripada Putrajaya Holdings melantik syarikat tersebut sebagai 'quantity surveyor consultant to provide quantity surveying consultancy services for the proposed residential development in sub-precinct 15-13 at Putrajaya', yang melibatkan fee sebanyak RM588,400. Klausa 8, surat tawaran tersebut menyatakan 'the list of personnel to be employed by you shall be as per appendix for your Tuan Hj Abdul Rahman Rashid (responden pertama) shall be assigned as your key personnel to provide the consultancy services. Any change to the list of personnel and appointment of new personnel shall require our prior written approval). Sekiranya perintah penggulungan tidak digantung, kemungkinan besar tawaran di atas akan dibatalkan oleh Putrajaya Holdings.

(iv) Syarikat tersebut masih solven (lihat afidavit likuidator sementara (kandungan 5) — perenggan 23) dan responden pertama merupakan pemegang saham majoriti yang sejak dari awal penubuhan syarikat tersebut telah memainkan peranan utama di dalam operasi perniagaannya.

(v) Likuidator sementara telah, pada 20 Februari 2001 menghantar surat kepada semua klien-klien syarikat tersebut mengenai cadangan untuk melantik pempetisyen sebagai Pengurus Khas (Special Manager) untuk meneruskan perniagaan syarikat tersebut (lihat perenggan 12, kepada eksh 'AJS–2' afidavit likuidator). (Ini sudah tentu akan menjejaskan kepentingan dan hak responen pertama sebagai pemegang saham majoriti sementara menunggu keputusan rayuannya jika perintah penggantungan tidak dibenarkan).

(vi) Likuidator dengan tindakan terburu-buru telah memberi notis berhenti kerja kepada lima orang pekerja syarikat (semua pekerja bumiputera dalam syarikat tersebut) pada 5 Februari 2001 iaitu hari yang sama perintah penggulungan dibuat, dengan serta merta. Mereka yang terlibat telah membuat laporan kepada Penolong Pengarah Buruh Negeri Selangor pada 15 Mac 2001.

Fakta-fakta di atas merupakan 'special circumstances' di dalam kes ini. Sekiranya mahkamah tidak membenarkan permohonan penggantungan perintah penggulungan seperti yang dipohon, saya berpendapat kesan rayuan yang difailkan di Mahkamah Rayuan akan menjadi sia-sia seandainya rayuan tersebut berjaya kelak. Ia akan meninggalkan kesan mendalam yang tidak boleh dibaik pulihkan melalui pampasan atau

A gantirugi (irreversible damage not repairable by compensation). Bagi sebuah syarikat yang masih beroperasi dan mempunyai senarai klien-klien yang banyak, sekiranya perintah penggantungan tidak dibenarkan, maka implikasinya adalah buruk kerana ianya menjejaskan maruah perdagangan (commercial morality) serta imej dan reputasi syarikat tersebut. Kepentingan awam (public interest) juga perlu dipertimbangkan sama. Adalah tidak selaras dengan kepentingan awam sekiranya sebuah syarikat yang telah beroperasi selama 26 tahun dan mempunyai 'track record' yang baik serta masih beroperasi dan solven terpaksa digulungkan atas alasan teknikal, tanpa memberi peluang kepada mereka untuk menunggu keputusan Mahkamah Rayuan.

C Di akhir hujahan, peguam pempetisyen dan likuidator sementara menimbulkan tentang tiada rayuan yang masih 'pending' di dalam kes ini, oleh itu permohonan untuk penggantungan perintah penggulungan 'sementara menunggu keputusan rayuan' adalah tidak timbul. Mengikut peguam, walaupun notis rayuan telah difailkan di mahkamah pada 1 Mac 2001 (masih dalam tempoh 30 hari selepas tarikh keputusan), tetapi salinan notis tersebut hanya diserahkan kepada peguam pempetisyen dan likuidator sementara pada 12 Mac 2001 (iaitu telah melebihi tempoh 30 hari selepas tarikh keputusan). Oleh itu peguam menghujahkan oleh kerana serahan salinan notis rayuan ke atas pempetisyen dan likuidator sementara dibuat selepas tamat tempoh 30 hari, maka tiada rayuan yang masih 'pending' dan soal penggantungan perintah tidak timbul.

Saya tidak bercadang untuk menimbang dan memutuskan isu ini di peringkat ini. Adalah lebih baik dan lebih sesuai perkara ini dipertimbangkan dan diputuskan di peringkat pendengaran rayuan tersebut kelak. Di peringkat mahkamah ini, saya berpendapat dengan memfailkan notis rayuan pada 1 Mac 2001 (dalam tempoh yang ditetapkan) rayuan tersebut dianggap 'pending' dan permohonan untuk penggantungan perintah penggulungan boleh dipertimbangkan.

Keputusan ke atas notis usul

G Berdasarkan pertimbangan di atas, saya berpuas hati dan memutuskan bahawa permohonan responden pertama untuk menangguhkan atau menggantungkan perlaksanaan perintah penggulungan syarikat (responden kedua) yang dibuat pada 5 Februari 2001 sementara menunggu keputusan rayuan responden didengar dan diputuskan, seperti di perenggan (a) atau (b) notis usul (kandungan 1) dibenarkan dengan kos. Permohonan-permohonan lain di perenggan (c), (d) dan (e) tidak dibenarkan memandangkan ianya tidak bersesuaian. Apa yang sebenar diperlukan oleh responden pertama di peringkat ini hanyalah untuk perintah penggantungan penggulungan seperti di perenggan (a) dan (b) notis usul tersebut.

I *Notis usul dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar